

# RAAB LIMA



## BAB 5

## PENUTUP

### 5.1 Kesimpulan

Setelah membuat kajian, pelbagai penemuan yang ditemui oleh penulis berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk disertasi. Penemuann penemuan tersebut ialah:

- i. *Makkī* merupakan al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah. Manakala *Madanī* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan selepas hijrah Nabi SAW ke Madinah.
- ii. Wujud perbezaan pendapat dalam menentukan definisi yang tepat mengenai al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* kerana para ulama melihat dari aspek penurunan yang berbeza iaitu aspek masa, tempat dan sasaran ayat. Walau bagaimanapun pendapat yang melihat dari aspek masa adalah paling tepat dan masyhur di kalangan ulama kerana pendapat yang diberikan lengkap dan merangkumi setiap ayat al-Qur'an diturunkan.

Pendapat tersebut adalah sebagaimana yang dijelaskan dalam definisi di atas.

- iii. Terdapat dua kaedah untuk mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* iaitu melalui *al-Samā'ī* dan *al-Qiyāsī*. *Al-Samā'ī* ialah berita penurunan al-Qur'an yang datangnya daripada Rasulullah SAW dan para sahabat. Manakala *al-Qiyāsī* ialah ketepatan al-Qur'an dapat diketahui melalui penyelidikan yang dilakukan oleh para ulama untuk memudahkan umat Islam mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*.
- iv. Terdapat tiga aspek utama yang menjadi asas kepada ciri-ciri khusus *Makkī* dan *Madanī*, iaitu aspek lafaz, topik dan gaya bahasa. Ketiga-tiga aspek inilah yang menjadi penentu identiti al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*.
- v. Pengetahuan terhadap al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* amat penting kerana melaluinya seseorang itu dapat mengetahui dan membezakan antara ayat mansukh dan nasikh, sejarah perkembangan hukum Islam, marhalah dakwah Rasulullah SAW dan sebagainya.
- vi. Topik-topik utama ayat-ayat *Makkī* secara umumnya berkaitan dengan persoalan akidah, ibadah, akhlak dan kisah-kisah silam. Walau bagaimanapun topik akidah menjadi tumpuan utama ayat-ayat *Makkī* dan asas penting dalam pembentukan masyarakat Islam di samping topik-topik lain seperti ibadah, akhlak dan kisah-kisah silam.

- vii. *Tarbiyyah Harakiyyah* merupakan tarbiah yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk mendidik, membentuk dan melatih rohani, jasmani, emosi dan intelek manusia bagi melahirkan insan-insan yang sanggup berjuang dan berkorban demi menegakkan syiar Islam dan agama Allah SWT.
- viii. *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW mempunyai kaitan rapat dengan ayat-ayat *Makkī*. Berpandukan kepada ayat-ayat tersebutlah baginda SAW berjaya mentarbiah dan membimbing para sahabat menjadi insan Rabbani.
- ix. Berasaskan kepada ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah* menunjukkan bahawa *Tarbiyyah Harakiyyah* adalah lengkap dan sempurna. Ini terbukti daripada ciri-cirinya yang bersifat seimbang, sederhana, menyeluruh, pengabdian diri kepada Allah SWT, berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah, pasti dan membina, mengutamakan masyarakat dan sebagainya.
- x. Setelah menganalisis data-data yang berkaitan dengan *Tarbiyyah Harakiyyah* dapatlah dirumuskan bahawa *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW adalah tarbiah yang bersifat Rabbani, syumul, sederhana dan seimbang, realistik dan amali. Kelima-lima sifat ini merupakan intipati daripada ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah*. Disebabkan oleh sifat-sifat atau ciri-ciri inilah yang

menjadikannya sebagai sebuah tarbiah yang istimewa, lengkap, sempurna, kemas dan jelas. Kekuatan dan kesempurnaananya terserlah dengan diperkuuhkan lagi oleh ayat-ayat *Makkī* yang bertindak sebagai sumber utama *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*. Malah kesemuanya ini telah memberi impak yang besar kepada tarbiah Rasulullah SAW kerana ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia seperti akidah, ibadah, akhlak dan perundangan sehingga baginda SAW berjaya mendidik, membentuk dan mélahirkan insan-insan Rabbani.

## 5.2 Saranan

Sepanjang membuat pengkajian terhadap disertasi ini, penulis mendapati bahawa kajian tentang *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* berasaskan kepada ayat-ayat *Makkī* amat penting untuk diketahui oleh umat Islam. Oleh itu, penulis ingin menyarankan beberapa perkara yang boleh dilaksanakan dan diteruskan oleh Institusi Pengajian Tinggi, Institusi Dakwah, Kementerian Pendidikan dan baikal pengkaji. Antara cadangannya ialah:

### i. Institusi Pengajian Tinggi

Penulis mencadangkan agar pihak jabatan atau fakulti pengajian agama merangka satu modul atau seminar yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini. Dengan ini secara tidak langsung ia dapat mendedahkan kepada para

penuntut ciri-ciri sebenar tarbiah yang sepatutnya ada dalam sesebuah tarbiah. Ayat-ayat *Makkī* pula adalah medium utama untuk menyampaikan tarbiah.

ii. Institusi Dakwah

Penulis mencadangkan agar Institusi Dakwah atau para pendakwah memperbanyakkan menggunakan ayat-ayat *Makkī* dalam menyampaikan ceramah dan dakwah. Ini kerana Rasulullah SAW sendiri banyak menggunakan ayat-ayat *Makkī* dalam permulaan dakwahnya dalam menyampaikan Islam. Di samping itu, kajian juga perlu dilakukan bagi memastikan metode yang digunakan selama ini bertepatan dengan metode tarbiah yang digunakan oleh Rasulullah SAW.

iii. Kementerian Pelajaran

Penulis menyarankan agar pihak Kementerian Pendidikan merangka satu topik yang berkaitan dengan tajuk kajian sebagai sebahagian daripada subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islam dan Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan ini, dapat mendedahkan kepada para pelajar *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah di samping dapat mendidik jiwa mereka agar menjadi insan yang berjiwa kental sebagaimana para sahabat.